

**Mubarak Minta Rakyat Jangan Sertai Perhimpunan  
Bernama  
5 Januari , 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) menggesa rakyat yang cintakan keamanan supaya tidak melibatkan diri dengan perhimpunan yang dirancang diadakan di ibu negara pada Isnin ini.

Ketua Penerangan Mubarak Datuk Abdul Rahman Sulaiman berkata tiada jaminan perhimpunan itu akan berjalan dengan aman kerana ia melibatkan orang yang ramai, dan dalam keadaan penuh emosi dan keadaan tidak terkawal, apa sahaja boleh berlaku.

"Tiada siapa yang boleh jamin, ia hanya memerlukan seorang dua untuk mencetuskan huru-hara. Kita harus tahu pasukan keselamatan dan orang ramai yang menyertai perhimpunan itu adalah manusia biasa yang emosi dan kemarahan tidak boleh dikawal dalam keadaan kelam kabut," katanya di sini Khamis.

Abdul Rahman berkata perhimpunan itu tidak akan membawa apa-apa faedah kepada negara, sebaliknya golongan yang terlibat, terdiri daripada mereka yang tidak menghormati kedaulatan undang-undang

"Sekiranya sikap begini berterusan ia akan mewujudkan anarki dan dengan demikian akan menjadikan seluruh sistem kenegaraan lumpuh," katanya.

Beliau berkata terdapat banyak tanda bahawa perhimpunan itu bertujuan mencetuskan huru-hara untuk memenuhi agenda politik individu tertentu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638126>